

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : SEMPENA SAMBUTAN HARI  
Lokasi :  
Tarikh : 28-10-1996

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini di Majlis Sambutan Hari 'Q' Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan ini.

2. Sambutan Hari 'Q' merupakan suatu acara tahunan yang lazim diadakan di kebanyakan Jabatan dan agensi Kerajaan. Tidak lain, tujuan utamanya adalah bagi membangkitkan kesedaran dan memperkuat iltizam setiap kakitangan awam untuk bersama-sama menghayati dan mengawal etika-etika kualiti bagi kecemerlangan jabatan selaras dengan hasrat perkhidmatan awam untuk menyediakan keupayaannya untuk menghadapi cabaran masa depan.

3. Ingin juga melalui pendekatan positif ini, adalah diharapkan kakitangan perkhidmatan awam dapat sentiasa berusaha mencari idea-idea yang baru yang boleh menyumbang ke arah pembaharuan di dalam perkhidmatan awam. Usaha-usaha ini haruslah berterusan dan mempunyai kesinambungan seperti mana yang diamalkan oleh masyarakat Jepun yang dinamakan Konsep Kaizen iaitu penyempurnaan dan peningkatan prestasi sepanjang masa berdasarkan kepada usaha yang berterusan untuk mencapai tahap yang lebih sempurna.

4. Jika diperhatikan, kebanyakan ekonomi maju diseluruh dunia timbul dari hasil usaha pekerja serta dasar-dasar Kerajaan yang menekankan aspek kualiti dalam semua sektor. Mereka mengamalkan budaya kerja yang berdasarkan pada semangat kerjasama dan meningkatkan hasil pencapaian organisasi. Etika kerja seperti ini adalah sesuatu yang positif dan setiap jabatan haruslah melaksanakan usaha-usaha peningkatan kualiti masing-masing di semua peringkat selaras dengan cabaran dan matlamat jabatan khasnya dan perkhidmatan awam amnya.

5. Kerajaan sentiasa memberi penekanan yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kualiti, produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan. Kita dapati bahawa usaha-usaha ke arah peningkatan kualiti menjadi aspek utama setiap Jabatan Kerajaan, akan itu tidak hairanlah kalau kita dapati hampir keseluruhan Jabatan, agensi Kerajaan di semua peringkat telah dari semasa ke semasa berusaha memperkenalkan dan menganjurkan aktiviti peningkatan kualiti yang meliputi pencarian idea-idea terkini dan sesuai dalam bidang pengurusan sumber manusia, pewujudan kaedah-kaedah kerja yang lebih berkesan, penggunaan teknologi maklumat dan alat perhubungan yang terbaik serta merumus etika kerja yang besesuaian.

6. Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang memberi khidmat terus kepada Pejabat Ketua Pentadbiran Negara iaitu Perdana Menteri dan juga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan Pejabat Ketua Setiausaha Negara, saya percaya semua pegawai dan kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas harian dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti kerja bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Saya berharap prestasi kerja ini dapat dikekalkan. Saya akan memberi sokongan yang penuh ke atas sebarang rancangan dan usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah agensi yang penting dan berhubung terus kepada Jemaah Menteri dan Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

Akhir kata saya ucapkan syabas kepada semua pegawai dan kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan yang selama ini dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.